

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, February 20, 2017 4:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: 27 Pasukan Berentap Dalam Konvensyen KIK Terbuka UUM 2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



20 FEBRUARI 2017 / 23 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

27 PASUKAN BERENTAP DALAM KONVENSYEN KIK TERBUKA UUM 2017



UUM ONLINE: Sebanyak 27 pasukan berentap merebut kejuaraan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbuka UUM 2017 yang julung kali dianjurkan Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) di Pusat Konvensyen, pagi tadi.

Perasmian Konvensyen KIK Terbuka itu telah dirasmikan Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak yang menyifatkan KIK adalah satu program yang mulia kerana membawa usaha ke arah melakukan tugas dengan lebih baik.

“Orang yang bekerja dengan baik adalah yang bekerja tidak sambil lewa dan sentiasa tingkatkan kualiti kerja sehingga dapat memberi manfaat kepada orang lain.

“Kualiti merujuk kepada 90 peratus sikap dan 10 peratus lagi adalah ilmu yang membawa maksud pengetahuan untuk membuat penambahbaikan hanya 10 peratus sahaja dan yang lebih penting ialah sikap dan jiwa dari hati, maka lahirlah kerja yang baik.

“Sebab itu apa yang kita lakukan dalam setiap perkara atau tugas, mesti tulus ikhlas kerana setiap sesuatu bermula dengan niat,” katanya.

Jelas Naib Canselor lagi, kepentingan inovasi dan kreativiti dalam falsafah KIK yang berteraskan modal insan adalah aset terpenting dalam pengurusan sesebuah organisasi dengan memberi peluang yang sama rata kepada semua kakitangan untuk memberi idea.

Menurutnya, KIK merupakan satu mekanisme yang dinamik dari segi penglibatan kakitangan dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja dari standard yang sedia ada atau menjana idea yang baharu.

Tambahnya lagi, kreativiti dan inovasi amat penting bagi mewujudkan persekitaran kerja yang berdaya maju dan kompetitif dan seharusnya dijadikan sebagai inspirasi untuk terus menjana idea kreatif serta meningkatkan lagi prestasi jabatan masing-masing.

“Tahniah diucapkan kepada semua pasukan yang menyahut cabaran, jangan fikir kalah menang yang penting beri yang terbaik dan dengan gabungan peserta dari luar dapat membawa impak besar.

“Perubahan juga lebih mudah jika dilakukan secara berpasukan, jangan perkecilkan usaha itu kerana kumpulan-kumpulan kecil ini boleh melakukan perubahan besar,” ujarinya.

Sementara itu, Pengarah IPQ, Prof Madya Dr Faudziah Zainal Abidin berkata, sebagai pekerja dalam sesebuah organisasi adalah dituntut untuk memberi khidmat terbaik dalam mencapai visi dan misi organisasi, justeru KIK diadakan untuk memupuk idea, menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi pekerja.

Menurut beliau, dalam menjalankan tugas sering berdepan dengan masalah tetapi lihat dari sudut berbeza yang lebih positif seperti beranggapan bahawa ia adalah satu peluang untuk menambah baik dari sehari ke sehari, bekerja dengan semangat dan sepenuh hati agar mendapat ilham yang dikurniakan oleh Allah dalam menjalankan amanah.

“KIK tidak lari dari 5S iaitu yang terakhir ‘*shitsuke*’ iaitu sentiasa amal yang mempunyai sama maksud dengan istiqamah, buat sikit-sikit tetapi berterusan.

“Saya teruja kerana pertama kali kita menerima penyertaan dari luar seperti Pusat Kesihatan Universiti UTHM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pulau Pinang, Majlis Daerah Baling, Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar dan Institut Latihan Perindustrian Jitra manakala 21 pasukan lagi dari UUM,” katanya.

Konvensyen KIK Terbuka UUM terbahagi kepada dua kategori iaitu Pengurusan dan Teknikal yang masing-masing melibatkan 20 pasukan dan 7 pasukan yang diadakan secara selari selain Anugerah Inovasi Terbaik, Anugerah Persembahan Terbaik dan Anugerah Fasilitator Terbaik bagi setiap kategori.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.